

PROMOSI 3-BULAN DEPOSIT TETAP UNTUK AKAUN GAJI

Dikemaskini pada 31 Oktober 2019

TEMPOH PROMOSI

“Promosi 3-bulan Deposit Tetap untuk Akaun Gaji” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 1 November 2019 dan berakhir pada 30 November 2019, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai jumlah saiz dana RM150,000,000 (“Had Saiz Dana”) mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan Akaun Gaji sertaan yang baru yang merupakan individu warga Malaysia atau bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Akaun Gaji sertaan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Akaun Gaji Simpanan Asas Hong Leong;
 - (b) Akaun Gaji Simpanan Hong Leong; dan
 - (c) Akaun Gaji Pay&Save Hong Leong
3. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk dengan HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad's (686191-W) (“HLISB”) sebelum Tempoh Promosi.
4. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD yang baru dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan dan dibuka dengan HLB. Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FD dan CASA yang baru dan sedia ada Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / HLISB; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) / Akaun Semasa atau Simpanan-i (“CASA-i”) HLB / HLISB Pelanggan.
5. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FD / Deposit Tetap-i (“FD-i”) yang matang atau pengeluaran pramatang FD / FD-i dari mana-mana akaun FD HLB / FD-i HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
6. Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Promosi ini:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi;
 - (b) Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini; dan / atau
 - (c) Pekerja tetap dan kontrak HLB / HLISB dan ahli keluarga terdekat.

KAEDAH PROMOSI

7. Untuk menikmati kadar promosi FD di bawah, Pelanggan secara serentaknya perlu membuka Akaun Gaji atas nama Pelangan dan membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum (“Amaun Peletakan”) semasa Tempoh Promosi seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:-

Tempoh FD	Kadar Promosi FD ¹	Amaun Peletakan FD Minimum	Amaun Peletakan FD Maksimum
3-bulan	4.20%p.a.	RM2,000	RM20,000

¹ Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR), kadar faedah promosi akan disemak.

Untuk tujuan promosi ini, pelanggan yang menepati semua kriteria dalam clausa 7 akan dirujukkan sebagai "Pelanggan Layak".

8. Amaun Peletakan FD Minimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** dan Amaun Peletakan FD Maksimum ialah **Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000)**. Jika Amaun Peletakan FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FD yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
9. Tiada Resit FD akan dikelurkan untuk setiap peletakan FD. Makluman transaksi akan dikeluarkan bagi setiap peletakan FD. Slip makluman akan mempunyai tandatangan penandatangan yang dibenarkan bagi HLB. Slip makluman bukan suatu dokumen hak milik dan hanya berfungsi sebagai bukti deposit. Makluman ini juga tidak boleh niaga, tidak boleh pindah milik dan tidak boleh serah hak.
10. Kadar faedah yang diperolehi bagi FD akan dikreditkan ke dalam Akuan Gaji Pelanggan Layak pada tarikh matang.
11. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD dan kadar faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Gaji Pelanggan Layak pada tarikh matang.
12. Pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
13. Jika Amaun Peletakan FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, faedah tidak akan dibayar bagi amaun pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD.
- HLB berhak menolak balik dan memotong amaun setara dengan faedah yang dibayar bagi FD yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun Pokok FD pada masa pengeluaran.
14. Amaun Peletakan FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.
15. Promosi ini tidak disahkan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa.

UMUM

16. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan besetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;
 - (ii) keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyerat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
 - (iii) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my ("Laman Sesawang HLB") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (iv) faedah yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek ataumanfaat semacamnya; dan
 - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
17. HLB berhak:
 - (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
 - (ii) membatalkan faedah yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun.
18. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

19. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB akan diutamakan.
20. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
21. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.